

Paling moden dan tertinggi di rantau ini

Menara KL akan jadi 5001298 daya penarik – Mahathir

KUALA LUMPUR 4 Okt. — Menara Kuala Lumpur yang merupakan menara telekomunikasi termoden di rantau ini apabila siap kelak akan menjadi daya penarik kepada syarikat-syarikat asing untuk membuka pejabat mereka di sini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut Perdana Menteri, sistem telekomunikasi yang baik merupakan salah satu aset terpenting untuk menarik lebih banyak syarikat besar membuka cawangan mereka di ibu kota.

"Dari kajian kita, telah terbukti, tanpa sistem telekomunikasi yang cepat dan canggih, syarikat-syarikat asing tidak berminat untuk membuka pejabat

cawangan mereka di sini," katanya kepada para pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah menara itu di sini hari ini.

Menara Kuala Lumpur terletak di puncak Bukit Nanas dengan ketinggian 420 meter dan apabila siap kelak pada tahun 1995, akan menjadi menara tertinggi di Asia Tenggara dan ketiga tertinggi di dunia.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sistem telekomunikasi yang baik dan berkesan amat penting dalam dunia perniagaan yang semakin hari semakin memerlukan perhubungan yang sertaindustri.

Beliau berharap, menara Kuala Lumpur akan dapat memenuhi kehendaki ahli-ahli perniagaan

dan juga pihak media elektronik dalam mengendalikan perkhidmatan penghantaran teks, data dan gambar dengan cepat.

Pelancong

Di samping itu, beliau juga percaya, ia akan menarik perhatian pelancong ke ibu kota kerana kedudukannya sebagai menara yang ketiga tertinggi di dunia.

"Kita dapati di mana saja ada menara seumpama ini, ia berjaya menarik perhatian pengunjung," katanya.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berpendapat, pe-

laburan Syarikat Telekom Malaysia untuk membina menara tersebut akan membawa keuntungan akhirnya, walaupun kosnya begitu mahal berbanding dengan keluasan lantai.

Beliau bagaimanapun tidak menafikan akan ada pihak-pihak tertentu yang akan menuduh menara itu mencemarkan ruang langit.

"Ada orang yang akan berkata, dulu angkasa lepas kosong tetapi kini tidak lagi. Kalau kita nak dengar cakap orang macam tu, kita tak boleh buat apa-apa," tambah beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menjejaskan, Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) telahpun dijalankan di kawasan menara itu dan apa

yang penting ialah ia tidak menjejaskan perhubungan penerbangan.

Di samping itu, katanya, pokok-pokok tua di Bukit Nanas tidak akan ditebang sewenang-wenangnya, sebaliknya disimpan, melainkan ia benar-benar menghalang pembangunan menara itu.

Ditanya kemungkinan lebih banyak menara tinggi seumpama Menara Kuala Lumpur akan dibina di negara ini, beliau berkata:

"Kalau di Jerman misalnya, saya nampak tiap-tiap bandar mempunyai menara. Sekiranya kita perlu, kita boleh bina di atas bukit tetapi tidaklah tinggi sangat."